

26/12/1998

PM ajak umat Islam bersyukur

LANGKAWI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam bersyukur kerana dapat menunaikan ibadat dalam keadaan aman tanpa sebarang tekanan, di sebalik kegawatan ekonomi yang dihadapi negara.

Perdana Menteri berkata, malah masih ramai umat Islam di Malaysia mampu menunaikan haji, bahkan melebihi kuota yang dibenar kerajaan Arab Saudi sedangkan di Indonesia cuma 60,000 orang dapat berbuat demikian berbanding kuota 200,000 yang diperuntukkan.

"Di Malaysia, walaupun negara gawat, umat Islam tidaklah menderita sampai tidak boleh makan, tunai haji atau umrah.

"Oleh itu, kita perlu bersyukur kerana kita dikurniakan banyak nikmat, tidak ditindas oleh sesiapa dan kita dapat cukup makan, ubat dan segalanya. Orang yang bersyukur akan mendapat lebih banyak nikmat," katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa di Masjid Al Tasnim di Kampung Bayas di sini, malam ini.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid; Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib dan Exco negeri.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga meminta rakyat terutama umat Islam terus berusaha menimba pelbagai ilmu berkaitan teknologi, komputer dan peralatan yang diperlukan untuk pertahanan kerana ia adalah satu kewajipan.

Menurutnya, Malaysia boleh menjadi kuasa besar bagi membantu umat Islam di seluruh dunia pada masa akan datang jika umat Islam di negara ini berusaha menguasai ilmu dan tidak hanya berserah kepada takdir.

Katanya, ia boleh menjadi kenyataan jika umat Islam menggunakan akal yang dikurniakan Allah dan disertai usaha serta kebolehan tertentu untuk menguasai pelbagai bidang ilmu termasuk pertahanan.

"Hari ini kita terpaksa membeli peralatan seperti senapang, roket dan kapal perang kerana kita tidak boleh buat sendiri.

"Kenapa tak boleh buat sendiri? Kerana kita tidak mengambil berat mengenai tanggungjawab mempertahankan diri daripada diserang musuh.

"Oleh itu, yang salah ialah kita. Kita tidak boleh kata sudah ditakdir oleh Tuhan, iaitu orang Islam akan diserang dan dibunuh," katanya.

Menurut Dr Mahathir, umat Islam sebenarnya mempunyai kebolehan berbanding bangsa lain, tetapi mereka tidak memberi tumpuan kepada usaha menimba pelbagai ilmu hingga terpaksa bergantung kepada orang lain.

Beliau berkata, apa yang terjadi terhadap kebanyakan umat Islam sekarang sebenarnya disebabkan kelalaian sendiri yang sering menyalahkan takdir tanpa mahu berusaha membaiki kehidupan dan masa depan mereka.

"Mereka sebenarnya boleh mengubah takdir tanpa menyalahkan Allah semata-mata kerana telah dikurniakan akal fikiran untuk berusaha membaiki sesuatu keadaan.

"Jika mereka mahu berusaha, mereka tidak perlu meminta-minta dengan bangsa lain dalam apa jua perkara hingga menyebabkan umat Islam terus ditindas dan ditekan akibat kelalaian sejak dari awal," katanya.

(END)